



جابتن فنديديكن نكري سميلن دارا لخصوص

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

JALAN DATO' HAMZAH KARUNG BERKUNCI No. 6
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
Tel : 06-7653100 Fax : 06-7639969



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : JPNS.SPS.PP.600-8 Jld.9(15)
Tarikh : 29 JANUARI 2018

Semua Ketua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2018**

PERMOHONAN KEMASUKAN SEKOLAH MURID BUKAN WARGANEGARA

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 KPM.100-1/7/2 Jld. 4 (61) bertarikh 15 Januari 2018 mengenai perkara yang tersebut di atas.

3. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan memohon pihak tuan memaklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran tuan untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

4. Sehubungan dengan itu, semua urusan Murid Bukan Warganegara adalah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Kerjasama dan keprihatinan tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(PKHARUDIN BIN HAJI GHAZALI)
Pegarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

s.k :

Semua Ketua Sektor
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan



12

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Rujukan Kami : KPM.100-1/7/2 Jld. 4 (61)
Tarikh 15 Januari 2018

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg Datuk/ Datin/ Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN (3) TAHUN 2018**

*Ku Perhubungan,
ata dipujikan.*
HJ. MISRI BIN MISTAMA
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan
Negeri Sembilan Darul Khusus

PERMOHONAN KEMASUKAN SEKOLAH MURID BUKAN WARGANEGARA


Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat agar semua kanak-kanak di Malaysia mendapat akses kepada pendidikan. Ia selaras dengan kehendak seperti terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan Wajib, KPM serta merealisasikan hak kanak-kanak untuk mendapatkan akses kepada pendidikan.

2. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, KPM juga terikat dengan beberapa peraturan dan undang-undang di mana kanak-kanak yang ingin mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan perlu mempunyai dokumen pengenalan diri bagi memudahkan pengurusan pendaftaran penerimaan masuk sekolah dan sebagainya. Dalam hal yang tersebut, KPM ingin memaklumkan bahawa isu yang timbul adalah berkaitan kesukaran penerimaan kemasukan murid bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri atau memiliki dokumen pengenalan diri yang tidak lengkap.

3. Surat siaran ini adalah bertujuan untuk memaklumkan semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar supaya mengambil tindakan seperti yang telah diputuskan di peringkat KPM; iaitu penerimaan masuk **kanak-kanak bukan warganegara** ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah seperti berikut;

3.1 Kanak-kanak bukan warganegara yang telah diambil oleh warganegara Malaysia sebagai anak angkat perlulah mempunyai dokumen pengenalan seperti berikut:

- Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) *atau* ;
- Perintah Mahkamah tentang hak penjagaan kanak-kanak *atau* ;



18 JAN 2018

c. Surat Akuan Penjagaan Kanak-kanak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3.2 Kanak-kanak bukan warganegara hasil perkahwinan tidak mengikut undang-undang Malaysia di mana sekiranya bapa adalah warganegara dan ibunya bukan warganegara, maka penerimaan masuk kanak-kanak tersebut ke sekolah perlulah mempunyai dokumen pengenalan seperti berikut:

- a. Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) *atau* ;
- b. Perintah mahkamah untuk hak penjagaan yang sah, *atau*;
- c. Surat pengesahan atau surat perakuan daripada; sama ada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampong, Ketua Kaum atau Ketua Rumah Panjang tempat kanak-kanak tersebut tinggal.


3.3 Kanak-kanak bukan warganegara yang ibu bapa juga bukan warganegara, penerimaan masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan adalah berdasarkan kepada peraturan seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 [PU(A) 275/1998, Peraturan 5 (1)]; iaitu kanak-kanak bukan warganegara yang boleh diterima masuk ke sekolah : -

- a. Anak kakitangan kedutaan asing;
- b. Anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- c. Anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; *atau*
- d. Kanak-kanak yang dipilih oleh Kerajaan Kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara kanak-kanak itu.

Maka sebelum diterima masuk ke sekolah bagi kanak-kanak yang terlibat seperti di perkara 3.3 (a), (b), (c) atau (d) hendaklah;

- i. Memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;

...3/-



- ii. membayar fi yang ditetapkan oleh KPM
- iii. mengemukakan borang sebagaimana yang ditetapkan ke Jabatan Pendidikan Negeri.

4. Bagi kanak-kanak yang terlibat seperti di perkara 3.1 dan 3.2, keluarga, penjaga atau mana-mana badan atau pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan kanak-kanak tersebut perlulah mematuhi perkara seperti berikut;

4.1 Dalam tempoh dua (2) tahun daripada mula kanak-kanak tersebut masuk persekolahannya, semua dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut perlu diselesaikan, **dan**

4.2 membayar fi yang ditetapkan oleh KPM

5. Sila maklumkan kandungan Surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua sekolah di bawah pentadbiran YBhg Datuk/ Datin/ Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HAJLAMINUDIN BIN ADAM)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
KemenPendidikan Malaysia